

ISSUE
JAN 2021



E-ISSN: 2684-8139

Islam Universalia

International Journal of Islamic Studies and Social Sciences

Abubakar Sani, Bilyaminu Muhammad

The Impact of Faith-Based Organizations
on Da'wah and Community
Development in Kano State, Nigeria

Suginam et al

Analysis Influence of Information
Technology on Financial Transparency
BAZNAS in Sharia Maqashid Perspective

Ahmad Hafiz Ali Makdom et al

The Methodology of Al-Qiyas
Al-Iqtirānī by 'Abd Al-Qādir Wangah in
Describing The Attribute of Qidam's
Burhān in Taqrib Al-Ikhwan

Mulizar, Syafieh

Tasawuf in Sharia Obstacles:
The Dynamics of The Persecution of
The Naqshabandiyah Tarekat
Prof.Dr.H.Kadirun Yahya in Langsa, Aceh

Tb. Endayani

Mastery of Two Foreign Languages:
English and Arabic
(A Study to The Students of MAN
Meulaboh Aceh Barat)

Vol 2

NO. 3
JAN 2021

Received: 08 Nov 2020; Revised: 18 Nov 2020; Accepted: 23 Jan 2021
Published: 29 Jan 2021

THE METHODOLOGY OF *AI-QIYAS AL-IQTIRĀNĪ* BY 'ABD AL-QĀDIR WANGAH IN DESCRIBING THE ATTRIBUTE OF *QIDAM'S BURHĀN* IN *TAQRIB AL-IKHWAN*

METODOLOGI *AI-QIYAS AL-IQTIRĀNĪ* OLEH 'ABD AL-QĀDIR WANGAH PADA MENGHURAIKAN *BURHĀN* SIFAT *QIDAM* DALAM *TAQRIB AL-IKHWAN*

Ahmad Hafiz Ali Makdom ¹, Mohd Hasrul Shuhari ²,
Syed Hadzrullathfi Syed Omar ³, Mohammed
Muneer'deen Olodo Al-Shafi'i ⁴, Mohd Shaifulbahri
Abdullah ⁵

^{1,2,3,4,5} Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Malaysia.

Abstract

'Abd al-Qadir Wangah is a preacher and scholar who is well known in the Malay Archipelago. His field expertise is more to Usuluddin who is the core of one's Islam. The proof, he authored several books that talk about the science of Tawhid such as Taqrīb al-Ikhwān fī Ta'allum 'Aqā'id al-Īmān, Asās al-Itiqād and so on. Therefore, this paper focuses on the debate on monotheism through the nature of qidam Allah SWT in addition to presenting the methodology of al-qiyās al-iqtirānī in describing the tafṣīlī evidence of the debate on that nature. This qualitative study uses the method of documentation and content analysis through the text of Taqrīb al-Ikhwān by 'Abd al-Qādir Wangah as well as logic references such as Iḍāḥ al-Mubham, Muḡhni al-Ṭullāb and so on. Aspects of the debate will focus on the biography of 'Abd al-Qādir Wangah briefly. Later, this study will include a debate on the nature of salbiyyah, especially on the nature of qidam. Next, this paper will discuss the methodology of al-qiyās al-iqtirānī specifically according to the logical scholars and its application in

describing the evidence of qidam and in Taqrīb al-Ikhwān. As a result, the use of al-qiyas al-iqtirānī is applied by 'Abd al-Qādir Wangah indirectly through two contexts of muttaṣilah verses instead of ḥamliyyah both or munfaṣilah both or one ḥamliyyah and another muttaṣilah or ḥamliyyah munfaṣilah or mutta in describing burhān the nature of qidam of Allah SWT.

Keywords: *Al-Qiyās al-Iqtirānī, 'Abd al-Qādir Wangah, Burhān, Qidam.*

Abstrak

'Abd al-Qādir Wangah seorang pendakwah dan ulama Melayu yang sangat terkenal di Nusantara. Kepakaran bidangnya lebih kepada Usuluddin yang menjadi teras agama Islam seseorang. Buktinya, beliau mengarang beberapa kitab yang membicarakan berkenaan dengan ilmu Tauhid seperti *Taqrīb al-Ikhwān fī Ta'allum 'Aqā'id al-Īmān, Asās al-Itiqād* dan sebagainya. Oleh yang demikian, makalah ini memfokuskan perbincangan tauhid menerusi sifat qidam Allah SWT di samping mengemukakan metodologi *al-qiyās al-iqtirānī* dalam menghuraikan dalil tafṣīlī terhadap perbincangan sifat tersebut. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan kaedah dokumentasi dan analisis kandungan menerusi teks *Taqrīb al-Ikhwān* karya 'Abd al-Qādir Wangah serta rujukan ilmu mantik seperti *Īdāḥ al-Mubham, Mughni al-Ṭullāb* dan sebagainya. Aspek perbincangan akan tertumpu kepada biografi 'Abd al-Qādir Wangah secara ringkas. Kemudian, kajian ini akan memuatkan perbincangan sifat salbiyyah khususnya pada sifat qidam. Seterusnya, makalah ini akan membincangkan berkenaan metodologi *al-qiyās al-iqtirānī* secara khusus menurut para ulama mantik dan aplikasinya pada menghuraikan dalil qidam dan *baqā'* dalam *Taqrīb al-Ikhwān*. Hasilnya, penggunaan *al-qiyas al-iqtirānī* ini diaplikasikan oleh 'Abd al-Qādir Wangah secara tidak langsung menerusi dua konteks ayat yang *muttaṣilah* bukannya secara *ḥamliyyah* kedua-duanya atau *munfaṣilah* kedua-duanya atau satu *ḥamliyyah* dan satu lagi *muttaṣilah* atau *ḥamliyyah munfaṣilah* atau *muttaṣilah munfaṣilah* dalam menghuraikan burhān sifat qidam Allah SWT.

Kata kunci: *Al-Qiyās al-Iqtirānī*, ‘*Abd al-Qādir Wangah, Burhān, Qidam.*

Pengenalan

Dalam ilmu akidah yang membahaskan Sifat Dua Puluh, antara sifat yang dibahaskan selepas sifat wujud ialah qidam. Hal ini demikian kerana selepas perbahasan sifat wujud, akan terfikir dalam akal seseorang tentang bagaimana kewujudan Allah SWT itu berlaku (Ibrāhīm al-Laqaṅī, 2019). Bahkan pendalilan terhadap sifat qidam ini telah dikemukakan oleh para ulama khususnya ‘Abd al-Qādir Wangah dalam kitabnya berdasarkan dalil yang kukuh secara tafṣīlī (Wangah al-Faṭānī, t.t). Hasil pembuktian secara qiyās tersebut, dapatlah seseorang menyatakan kebatilan berlakunya dawr dan tasalsul dengan nyata dan jelas tanpa ragu-ragu (Yusuf al-Sanūsī, 2013). Kebiasaan para ulama akidah membuktikan dalil-dalil bagi segala sifat Allah SWT melalui jananan qiyas sama ada al-qiyās al-sharṭī ataupun al-qiyās al-iqtirānī yang membabitkan perbincangan ilmu mantik untuk menghasilkan susunan qiyas yang benar dan dapat diterima oleh akal yang sejahtera (Muda et al., 2009).

Biografi ‘Abd al-Qādir Wangah

Nama penuhnya ialah Haji ‘Abd al-Qādir bin Haji Wangah bin ‘Abd al-Laṭīf bin ‘Ūthmān yang turut digelar oleh panggilan orang awam sebagai ‘Ayah Der Sekam’. Beliau lahir pada tahun 1921M bersamaan dengan 1340H di kampungnya

yang bernama Sekam, Patani dan meninggal dunia pada pagi Khamis, 18 Rabi' al-Awwal pada tahun 1412H bersamaan dengan 26 September 1991M tatkala berusia 72 tahun (Ahmad Fathi, 2014).

Latar belakang pengajian 'Abd al-Qadir al-Faṭānī ini memiliki dua tempat iaitu di tanah airnya sendiri iaitu Patani dan Makkah. Beliau memulakan pengajiannya di Pondok Balur di sekitar kampung halamannya pada tahun 1356H hingga 1360 H. Kemudian, beliau menyambung pengajiannya di pondok Kubang Pasir, Binjai Lima dengan Sheikh Haji Ahmad. Setelah itu, beliau melanjutkan lagi pengajiannya di Pondok Pusan, Perigi dengan gurunya yang bernama Sheikh Haji Ahmad Abdul Wahab al-Fusānī sebelum menyambung pembelajaran kitabnya di Makkah bersama Sheikh Wan Ismā'īl al-Faṭānī beserta guru-gurunya yang lain (Abu, 2014).

Setelah tamat pengajiannya yang hampir 17 tahun, 'Abd Qādir Wangah ini berhasrat untuk membangunkan pondoknya sendiri di perkampungannya iaitu Kampung Wakaf Budi, Sekam sekitar tahun 1375H bersamaan dengan 1955CE. Pondok yang beliau dirikan ini terletak di antara Pondok Mak Anggul dan Pondok Baba Li yang baru sahaja dibinakan beberapa tahun sebelumnya (Abu, 2014).

'Abd al-Qādir Wangah ini terkenal di Patani sebagai ulama kalam atau ulama tauhid. Hal ini sepertimana gurunya

iaitu Sheikh Wan Ismail al-Faṭānī dan Sheikh Haji Ahmad Abdullah al-Fusānī. Oleh yang demikian, beliau sentiasa didapati menolak pandangan-pandangan yang sesat apabila timbul isu-isu tersebut sekitar kawasan Patani bagi mengelakkan berlakunya kerosakan pegangan di penduduk kampung tersebut. Hal ini dapat dibuktikan menerusi karya-karyanya yang ditulis oleh beliau sendiri bagi mengkritik orang-orang yang membawa ajaran akidah yang salah dan batil (Abu, 2014).

Karya-karya ‘Abd al-Qādir Wangah ini majoritinya merangkumi disiplin ilmu Akidah, Mantik dan Fiqh bahkan lebih fokus kepada ilmu Usuluddin. Antara karya-karyanya adalah seperti berikut (Ardae, 2008 & Wan Razali et al., 2020) :

1. *Mabda’ al-Fikrah fī al-Maqūlāt al-‘Asharah.*
2. *Mabhath al-Kalām fī ‘Ilm al-Kalām.*
3. *Asās al-‘Itiqād li Ḍu‘afā’ al-Bilād.*
4. *Cermin Suluhan Pada Menyatakan Hukum Sembelihan.*
5. *Taqrīb al-Ikhwān fī Ta‘līm ‘Aqā’id al-Īmān.*
6. *Tashīl al-Ḍu‘afā’ wa Radd Ba‘d Aḥwāl al-Sufahā’.*
7. *Ta‘līm al-Awlād fī Dhikr Ba‘d Aḥwāl al-‘Ībād.*
8. *Tabyīn Kadhb al-Muftarī fī mā Yata‘allaq bi al-Bārī.*

9. *Tadhkirah li Dhaw'ī al-Afkār fi mā Yamur al-Insān min al-A'mār.*

10. *Wasā'il 'Ilm al-Kalām Rif'ah wa Rahmah li al-'Awām.*

11. *Risālah Manhaj Ahl al-Sunnah.*

12. *Irshād al-Jāwiyyīn ilā Sabīl al-'Ulamā' al-Āmilīn.*

Perbahasan Sifat *Salbiyyah* : *Qidam*

Sifat *salbiyyah* merupakan bahagian kedua daripada empat kategori sifat iaitu *nafsiyyah*, *salbiyyah*, *ma'ānī* dan *ma'nawīyyah* yang dibahaskan oleh para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Muḥammad al-Bayjūrī, 2012). Oleh itu, sifat *salbiyyah* didefinisikan sebagai setiap sifat yang menunjukkan kepada ternafinya suatu perkara yang tidak layak bagi Allah SWT (Ibrahīm al-Laqānī, 2018). Tambahan lagi, sifat *qidam* yang akan dibahaskan ini merupakan sebahagian daripada kategori sifat *salbiyyah* (Muḥammad al-Bayjūrī, 2010, 'Umar al-Bantānī, 2008, Nik Mat, t.t & Wangah, t.t).

Zat yang bersifat dengan sifat *qidam* ataupun dengan kata lain *qadīm* itu menunjukkan kewujudannya tiada permulaan sama sekali (Ali, 2018 & 'Umar al-Bantānī, 2008) ataupun ternafinya ketiadaan pada awal kewujudanNya (Hijāzī al-Sharqāwī, 2013 & Muḥammad al-Suḥaymī, 1983). Kenyataan

yang mengatakan bahawa sifat *qidam* itu ialah sifat *salbiyyah* bukannya yang lain merupakan pandangan yang *aṣaḥ* menurut para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Ahmad al-Dusūqī, 2012). Hal ini demikian kerana sebahagian ulama daripada kelompok Muktaẓilah mengatakan sifat tersebut diklasifikasikan sebagai sifat *nafsiyyah*. Selain itu, sebahagian ulama yang lain juga berpandangan bahawa sifat *qidam* ini termasuk dalam sifat *thubūtiyyah* ataupun *ma'ānī*. Pandangan yang mengatakan ia sebahagian daripada sifat *ma'ānī* ditolak oleh jumhur ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kerana segala sifat *ma'ānī* Allah SWT itu sudah bersifat dengan *qidam*. Jikalau *qidam* merupakan sifat *ma'ānī*, maka *qidam* tersebut akan bersifat dengan *qidam* pula dan ini mustahil kerana berlaku *tasalsul* sifat (Ibrāhīm al-Laḳānī, 2019).

Dalam perbahasan *qidam*, ia terbahagi kepada tiga jenis yang sangat berkait rapat supaya seseorang dapat mengetahui perkaitan *qidam* yang mana dalam perbahasan Sifat Dua Puluh. Pertamanya ialah *qidam dhātī* iaitu sabit bagi zat Allah SWT. Keduanya ialah *qidam zamānī* iaitu suatu perkara yang ada dalam tempoh dan masa yang panjang. *Qidam* dengan makna yang kedua ini mustahil atas Allah SWT kerana ia tidak berkait dengan masa sama sekali. Ketiganya ialah *qidam idāfī* iaitu suatu perkara itu terlebih dahulu ada berbanding dengan suatu perkara yang lain. Hal ini juga mustahil atas Allah SWT kerana Dia tiada bandingan dan nisbah kepada suatu yang lain dari sudut kewujudanNya bahkan Allah SWT sudah wujud sejak azali tanpa

ada sebarang makhluk yang lain (‘Abd al-Ḥamīd, 2019, Wangah, t.t & Muḥammad al-Bayjūrī, 2001).

Para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama‘ah telah berselisih pandangan dalam perbahasan *qadīm* dan azali dari sudut terdapat perbezaan antara kedua-dua istilah tersebut ataupun sebaliknya. Pandangan pertama mengatakan bahawa azali itu ialah perkara yang tidak ada awal baginya sama ada perkara tersebut *wujūdī* atau ‘*adamī*. Adapun *qadīm* itu ialah terkena kepada perkara yang *wujūdī* sahaja yang tiada permulaan. Oleh itu, atas pandangan ini boleh dikatakan bahawa tiap-tiap yang *qadīm* itu azali tetapi tidak berlaku sebaliknya bahkan *qadīm* itu terlebih khusus daripada azali (‘Abd al-Raḥmān al-Faṭānī, 2020). Atas pandangan ini juga dapat disimpulkan bahawa segala sifat *salbiyyah* termasuklah *qidam* disebut sebagai azali sahaja bukannya *qadīm*.

Pandangan kedua pula mengatakan bahawa *qadīm* dan azali itu sama makna kedua-duanya iaitu perkara yang tiada awal baginya sama ada *wujūdī* atau ‘*adamī*. Maka atas pandangan ini dapatlah dikatakan bahawa sifat *qidam* itu *qadīm* dan azali. Pandangan terakhir daripada perbahasan ini menyatakan bahawa *qadīm* itu ialah suatu zat yang ada dengan sendirinya bahkan tidak ada awal baginya sedangkan azali ialah suatu perkara yang tidak ada awal baginya sama ada ia *wujūdī* atau ‘*adamī* dan sama ada ia ada dengan sendirinya ataupun tidak. Atas pandangan ini

dapat memberi kefahaman yang jelas bahawa zat Allah SWT itu *qadīm* lagi pula azali. Adapun sifat-sifat Allah SWT tidak dinamakan *qadīm* kerana sifat-sifat Allah SWT itu ada pada zat Allah SWT bukannya ada dengan sendirinya seperti zat Allah SWT yang tidak menumpang atau berhajat kepada zat yang lain (Tatān & al-Kaylānī, 1999 & ‘Abd al-Raḥmān al-Faṭānī, 2020).

Metodologi *al-Qiyās al-Iqtirānī*

Qiyās dari sudut bahasa ialah mengukur atau mengkadarkan sesuatu atas suatu contoh sesuatu yang lain (‘Abd al-Mun‘im al-Damanhūrī, 2011). Adapun dari sudut istilah, *qiyās* ialah kata-kata yang tersusun daripada beberapa premis atau *al-qadīyyah* dan apabila susunan premis tersebut benar, maka lazimlah dapat menerima natijah yang benar (Al-Abharī, 2003 & ‘Īsā al-Fādānī, t.t).

Al-Qiyās al-Iqtirānī tersusun daripada dua premis dapat dibahagikan kepada enam bahagian. Pertamanya, dua premis tersebut disusun secara *ḥamliyyah* (Al-Ḥifnī, 2013). Sebagai contoh seseorang berkata, setiap jisim itu tersusun dan setiap yang tersusun itu baharu (Muḥammad al-Anṣārī, t.t). Seterusnya, dua premis yang disusun secara *muttaṣilah* sebagai contoh jikalau matahari terbit maka siang pun muncul dan jikalau siang muncul maka bumi pun bercahaya terang maka menghasilkan natijah jikalau matahari terbit nescaya bumi bercahaya terang. Di samping itu, *qiyās* ini juga berlaku apabila dua premis disusun

secara *munfaṣilah*. Umpamanya ialah seseorang berkata setiap bilangan itu sama ada ganjil atau genap(boleh dibahagikan) dan setiap bilangan genap maka ia boleh dikalikan dengan bilangan genap yang lain atau bilangan ganjil yang lain akan menghasilkan natijah setiap bilangan sama ada ganjil atau bilangan genap apabila dikalikan dengan bilangan genap atau bilangan genap apabila dikalikan dengan bilangan ganjil (Al-Ḥifnī, 2013, Muḥammad al-Anṣārī, t.t).

Bukan itu sahaja, malah bahagian keempat berlaku apabila dua premis tersusun daripada *qaḍiyyah ḥamliyyah* dan *muttaṣilah*. Sebagai contoh apabila seseorang berkata setiap kali dia ini manusia maka dia ialah haiwan dan setiap haiwan itu jisim. Maka dua premis ini akan menatijahkan setiap kali dia ini manusia maka dia ialah jisim. Susunan kelima ialah dua premis yang diatur menerusi *ḥamliyyah* dan *munfaṣilah*. Hal ini sepertimana seseorang berkata setiap bilangan itu sama ada genap atau ganjil dan setiap bilangan yang genap itu menerima dua pembahagian yang sama rata. Ini akan menghasilkan setiap bilangan sama ada ganjil atau menerima dua pembahagian yang sama rata. Pembahagian yang terakhir sekali ialah penyusunan dua premis daripada *muttaṣilah* dan *munfaṣilah*. Contohnya ialah apabila seseorang berkata setiap kali dia itu ialah manusia maka dia ialah haiwan dan setiap haiwan itu sama ada putih atau hitam yang menghasilkan natijah *qiyāsnya* setiap kali dia ialah manusia maka dia sama ada putih atau hitam (Al-Ḥifnī, 2013, Muḥammad

al-Anṣārī, t.t). Inilah enam bahagian dalam perbahasan *al-qiyās al-iqtirānī* menerusi karya-karya ulama mantik. Dinamakan *qiyās* sebegini sebagai *al-iqtirānī* kerana keterkaitannya antara *al-ḥad al-aṣghar* dengan *al-ḥad al-awsaṭ* dan *al-ḥad al-awsaṭ* dengan *al-ḥad al-akbar*. Sebahagian ulama mengatakan dinamakan sedemikian kerana berhubungnya dua premis tersebut dengan *ḥarf ‘atf* yang menunjukkan keterkaitan antara satu bahagian dengan bahagian yang lain. Hal ini berbeza dengan *al-qiyās al-sharṭī* iaitu dihubungkan antara dua premis tersebut dengan *ḥarf adāt* (‘Alī al-Jalāl, 1985).

Aplikasi al-Qiyās al-Iqtirānī Pada Burhān Sifat Qidam Allah SWT

Setiap pegangan akidah yang diyakini oleh seseorang semestinya berhajat kepada dalil yang kukuh supaya segala kesamaran dan kebatilan daripada pihak musuh tidak dapat menjejaskan tauhidnya. Oleh yang demikian, ‘Abd al-Qādir Wangah menzahirkan dalil secara terperinci berlandaskan *qiyās mantiqī* yang dimuatkan dalam kitabnya *Taqrīb al-Ikhwān* pada penghuraian *burhān* sifat *qidam* Allah SWT. Beliau berkata dalam kitabnya berkenaan dengan dalil sifat *qidam* (Wangah, t.t):

“...Percaman(dalil) kita kata sediaNya *Ta ‘ālā* bukan baru itu ialah kita fikir kalau tak sedia tentulah baru maka yang baru ada itu tentu sekalilah ada yang mengada akan dia kerana tak sah nak jadi sendirinya. Maka yang mengada akan dia itu jika ianya

qadim maka dialah Tuhan. Dan jika ianya baru, maka tentulah ada yang mengadakan dia juga maka jika adalah yang mengadakan akan dia itu ialah zat yang dia beri ada dahulu itu, maka tentulah bohong kerana berhimpun dahulu dan kemudian. Lagi pula jadilah maknanya benda yang sebelum ada lagi itu boleh beri ada akan benda yang lain. Maka inilah dinamakan *dawr* maka tetaplah mustahilnya...”

Berdasarkan teks tersebut, dapat dikeluarkan dua *al-qiyās al-iqtirānī* secara muttasilah pada kedua-dua premisnya yang diaplikasikan oleh 'Abd Qādir Wangah dalam mensabitkan secara kukuh bahawa benar Allah SWT itu bersifat dengan sifat *qidam*. *Qiyās* yang pertama ialah jikalau Allah SWT tidak sedia maka tentulah Dia baharu dan jikalau Allah SWT itu yang baharu maka tentu sekali ada yang mengadakan Allah SWT. Ia menghasilkan natijah jikalau Allah SWT tidak sedia maka tentu ada yang mengadakan atau menciptakan Allah SWT. Oleh itu, akan tersabitnya Allah SWT itu bersifat dengan sifat *qidam* kerana mustahil pada akal ada suatu zat lain yang menjadikan zat Allah SWT.

Qiyās yang kedua pula ialah jika yang mengadakan sesuatu itu baharu maka tentulah ada yang mengadakan dia juga dan jika yang mengadakan dia juga itu ialah zat yang telah diciptakan dahulu maka tentulah bohong. Ini akan menatijahkan jika yang mengadakan sesuatu itu baharu maka tentulah bohong.

Hal ini demikian kerana akan berhimpun antara yang dahulu dengan kemudian. Dengan makna Tuhan A menciptakan sesuatu padahal dalam masa yang sama Tuhan A diciptakan oleh zat Tuhan yang lain. *Qiyas* yang kedua ini secara terang menafikan berlakunya *dawr* terhadap kewujudan Allah SWT. Hal ini demikian kerana *dawr* ialah berpusing atau berkeliling semula kepada yang asal (Ramaḍān al-Būṭī, 2000).

Bukan itu sahaja, malah ‘Abd al-Qādir Wangah turut menyatakan *qiyās* secara *iqtirānī* yang *muttaṣilah* juga kedua-dua premisnya. *Burhān* ini membatalkan kejadian *tasalsul* (berhubung yang tiada kesudahan) terhadap kewujudan Allah SWT. Hal ini sepertimana berikut (Wangah, t.t) :

“...Kemudian jika adalah yang mengadakan dia itu ada dahulunya yang mengada akan dia, demikianlah ada yang dahulu-dahulu, dahulu-dahulu, dahulu-dahulu hingga tidak sut(kesudahan atau berakhir) sebelah kemari dah(atas) maka tentu bohong juga kerana tiap-tiap benda yang tak bertambah-tambah itu jika sangat banyak sekalipun, tentu sut(berakhir) juga. Maka nak bertambah-tambah hala(ke arah) terlebih tuha(tua) itu mustahil. Maka yang semacam ini dinamakan dia *tasalsul*. Maka tentu bohong, jika sebelah umbi(asal atau mula-mula sekali) dan sebelah tuha(tua)...”

Berdasarkan teks tersebut, didapati bahawa ‘Abd al-Qādir Wangah telah menjelaskan satu lagi *qiyās* dengan susunan secara *al-iqtirānī* serta munfaṣilah secara tidak langsung dengan dialek kampungnya. Susunan *qiyās*nya selepas disusun dengan teratur ialah jika yang mengadakan sesuatu itu baharu maka tentulah ada yang mengadakan dia juga dan jika ada yang mengadakan dia itu ada dahulunya yang mengadakan dia bahkan berterusan sehingga tiada had maka tentulah bohong. Maka natijahnya ialah jika yang mengadakan sesuatu itu baharu maka tentulah bohong. Hal ini demikian kerana lazim ada pencipta yang qadīm bahkan tidak dicipta oleh sesuatu yang lain atas jalan apa sekalipun.

Kesimpulan

Sifat *qidam* membuktikan bahawa kewujudan Allah SWT itu tidak didahului oleh sesuatu bahkan Allah SWT ada sejak azali. Pembuktian secara dalil *qiyās* telah dibuktikan oleh ‘Abd al-Qādir Wangah bagi membatalkan kesamaran yang mengatakan kewujudan Allah SWT diadakan oleh suatu zat yang lain, melalui kaedah *dawr* mahupun tasalsul. Tambahan lagi, beliau mengaplikasikan kaedah *al-qiyās al-iqtirānī* di mana kedua-dua premis yang dikemukakan secara dialek kampungnya itu disusun secara sistematik dalam bentuk *muttaṣilah*. Oleh itu, metodologi *qiyās* sebegini sangat penting dalam mendatangkan burhān yang jelas agar akal pemikiran seseorang tidak diganggu

dengan perkara syubhah daripada pihak luar terhadap akidah dan pegangan hati seseorang.

Daftar Pustaka

- ‘Abd al-Ḥamīd, M. M. D. (2019). *Al-Nazām al-Farīd bi Tahqīq Jawharah al-Tawhīd*, Beirut : Dār al-Daqa’iq.
- Al-Abharī, A. D. (2003). *Mugnī al-Ṭullāb Sharḥ Matn Īsāghūjī*. Damsyik : Dār al-Fikar.
- ‘Abd al-Mun‘im al-Damanhūrī, A. (2011). *Īdāḥ al-Mubham min Ma‘ānī al-Sullam*. Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- ‘Abd al-Raḥmān, A. Q. R. (2020). *Qalā‘id al-Jawāhir fī Sharḥ Farīdah al-Farā‘id*, Patani : Saudara Faris Patani.
- Abu, N. (2014). *Petunjuk Bagi Sekalian Orang Jawi Kepada Jalan Ulama-Ulama Yang Beramal*, Selangor : Al-Hidayah House of Publishers Sdn. Bhd.
- Ahmad al-Dusūqī, M. (2012). *Ḥāshiyah al-Dusūqī ‘alā Umm al-Barāhīn*, Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Ahmad Faṭḥi (2014). *Ulama Besar Fatani Edisi Kedua*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ali al-Jalāl, J. (1985). *Sharḥ al-Tahdhīb Ma‘a al-Ḥāshiyah*, Beirut : Dār al-Masīrah.
- Ali, M. (2018). *Iqd al-Farā‘id ‘alā Sharḥ al-‘Aqā‘id*, Kerachi : Al-Bushra.
- Ardae, M. (2018). Pengaruh dan Kesan Penulisan al-Imam al-Sanusi dalam Ilmu Tauhid di Selatan Thailand, PhD Thesis, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Al-Ḥifnī, Y. (2013). *Ḥāshiyah al-Ḥifnī ‘alā Īsāghūjī*. Jakarta : Dār : al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Ḥijāzī al-Sharqāwī, A. (2013). *Ḥāshiyah al-Sharqāwī ‘alā Sharḥ al-Hudhudī*, Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.

- Ibrahim al-Laḡānī, I. (2019). *Hidāyah al-Murīd li Jawharah al-Tawḥīd*, Kaherah : Dar al-Mīrāth al-Nubuwwah li Nashr wa al-Tawzī'.
- Ibrahim al-Laḡānī, A. S. (2019). *Ithāf al-Murīd bi Jawharah al-Tawḥīd*, Beirut : Dār al-Daḡā'iq.
- Isa al-Fādānī, M. Y. (t.t). *Risālah fī 'Ilm al-Manṭiq 'alā Ṭarīq al-Suāl wa al-Jawāb*, Pulau Pinang : Dhī Yūnaytīd.
- Muda, A. L., Ali, R. (2009). *Pengantar Ilmu Mantik*, Kuala Lumpur : Percetakan Salam Sdn. Bhd.
- Muhammad al-Anṣārī, Z. (t.t). *Al-Maṭla' Sharḥ Īsāghūjī*, t.t.p : t.p.
- Muhammad al-Bayjūrī, I. (2001). *Tuḥfah al-Murīd 'alā Jawharah al-Tawḥīd*, Surabaya : Al-Haramain.
- Muhammad al-Bayjūrī, I. (2010). *Taḥqīq al-Maḡām 'alā Kifāyah al-'Awām fī 'Ilm al-Kalām*, Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Muhammad al-Bayjūrī, I. (2012). *Sharḥ al-Sanūsiyyah*, Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Muhammad al-Suḡaymī, A. (1983). *Al-Muḡtadī bi Sharḥ al-Hudhudī 'alā Umm al-Barāhīn*, Patani : Kedai Kitab Ihya Ulumiddin.
- Nik Mat, N. A. (t.t). *Pati Farīdah al-Farā'id*, Patani : Maṭba'ah Ibn Halābī.
- Ramaḡān al-Būṭī, M. S. (1997). *Kubrā al-Yaḡīniyyāt al-Kawniyyah*, Beirut : Dār al-Fikar al-Mu'āṣir.
- Tatān, A. K. & al-Kaylānī, M. A. (1999). *'Awn al-Murīd li Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd fī 'Aḡīdah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah*, t.t.p : Dār al-Bashā'ir.
- 'Umar al-Bantānī, M. N. (2008). *Faṭḥ al-Majīd fī Sharḥ al-Dur al-Farīd fī 'Ilm al-Tawḥīd*, Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.

- ‘Umar al-Bantānī, M. N. (2008). *Nūr al-Zalām Sharḥ ‘alā Manzūmah ‘Aqīdah al-‘Awām*, Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- Wan Razali, W. M. F. A., Syed Shamsuddin, S. S., Abdul Aziz, M. A., Mohamed, M. F. (2020). Laysa Kamithlihi Syay’un : The Interpretation of Mutashābihāt Verses And Traditions By ‘Abd al-Qadir Wangah in Risālah Manhaj Ahl al-Sunnah. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, no. 1, pp. 1-24.
- Wangah, A. Q. (t.t). *Taqrīb al-Ikhwān fī Ta‘allum ‘Aqā’id al-Īmān*, Patani : t.p.
- Yusuf al-Sanusi, M. (2013). *Sharḥ Umm al-Barāhīn*, Jakarta : Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.